



Ruj.Kami : ANM.JB (A) 70/15 JLD 4(6)  
Tarikh : 1 November 2022  
Rabiulakhir 1444H

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **SURAT PERINGATAN: TINDAKAN KE ATAS TRANSAKSI INVOIS BELUM DIBAYAR – KOD A0481101 (AKAUN BELUM TERIMA) SEHINGGA 31 OKTOBER 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Invois (dijana melalui sistem iGFMAS) yang telah dikeluarkan oleh pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sehingga 31 Oktober 2022, tetapi masih belum dijelaskan pembayarannya oleh pelanggan dan berstatus Akaun Belum Terima (ABT). Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 – Pengurusan Akaun Belum Terima, semua Pegawai Pengawal dan Pemungut adalah bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk ABT. Bagi mana-mana pegawai yang bertanggungjawab ke atas tunggakan ABT serta gagal mengambil tindakan mengutip balik tunggakan boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib.
3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan segera ke atas transaksi Invois seperti di **Lampiran I** dan mengemaskini status tindakan selewat-lewatnya pada **17 November 2022** melalui pautan  
[https://docs.google.com/spreadsheets/d/1uzpZc\\_paYvLoQcSwxU\\_mck2Y0qWYBK0BGYas5Eu0O6M/edit?usp=sharing](https://docs.google.com/spreadsheets/d/1uzpZc_paYvLoQcSwxU_mck2Y0qWYBK0BGYas5Eu0O6M/edit?usp=sharing) Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Nurul Nadia binti Azmi melalui telefon 07-2249244 (pejabat) sambungan 1056/0195513087 (telefon bimbit) atau secara e-mel [nurulnadia.azmi@anm.gov.my](mailto:nurulnadia.azmi@anm.gov.my).

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
(SITI ZUBAIDAH BT MD SHAH C.A(M))

b/p : Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor